

# BAB LIMA

## BAB V : PENUTUP

### 5.1. Kesimpulan Dan Rumusan Keseluruhan

- i. Mata pelajaran yang berkaitan dengan Sumber-Sumber Sejarah Islam perlu diperbanyak dan didedahkan kepada masyarakat dari peringkat awal lagi. Masyarakat dan negara yang maju ialah sebuah masyarakat atau negara yang banyak mempelajari dan mengkaji sejarah terutamanya yang berkaitan dengan Islam.
- ii. Pendedahan masyarakat kepada sumber-sumber sejarah Islam selain al-Quran dan al-Hadith adalah amat kurang. Tidak ramai yang mengetahui apakah sumber-sumber yang digunakan dalam merujuk sesuatu peristiwa sejarah Islam yang berlaku.
- iii. Selain faktor penjajahan Barat, wadah penulisan dikenalpasti sebagai antara elemen utama yang banyak membawa bentuk-bentuk fahaman dan pemikiran *Orientalis* Banyak terdapat artikel-artikel penulisan dan buku-buku yang menyebarkan faham *Orientalis*.
- iv. Masyarakat pelajar di dapati kurang peka dengan permasalahan semasa dan tidak cenderung membangkitkan isu-isu yang boleh membawa

manfaat kepada masyarakat. Pembelajaran yang lebih berorientasikan peperiksaan mungkin dilihat sebagai penggalak budaya sebegini.

- v. Sistem pendidikan yang digubal akan menemui kegagalan apabila membenarkan unsur-unsur arus pemikiran dan idea *Orientalis* berada di dalamnya.
- vi. Pihak *Orientalis* sentiasa mengambil peluang atas kealpaan dan kelemahan umat Islam dan sekaligus akan cuba menghancurkan sepenuhnya agama Islam dari muka bumi ini.
- vii. Masyarakat pendidik haruslah berusaha dengan lebih keras lagi untuk memastikan pewaris akan datang tidak buta sejarah dan sentiasa mengambil pengiktibaran daripada sesuatu peristiwa yang berlaku.
- viii. Sistem pendidikan Islam perlulah diperkemaskan dari masa ke semasa demi kepentingan survival ummah. Ini kerana, natijah dari pelaksanaan sistem pendidikan Islam yang lemah akan banyak menimbulkan permasalahan.
- ix. Hanya Islam yang mampu mentadbir dunia dengan baik dan masyarakat Islam hari ini akan berjaya mengulangi kegemilangan empayar Islam jika sedia mengkaji dan memperbetulkan kesilapan umat Islam terdahulu.

## 5.2. Saranan

### a) Kepada Pihak Kerajaan

- i) Mewujudkan satu organisasi khas yang berfungsi menanamkan minat dan kesedaran rakyat tentang peri pentingnya menghayati Sejarah Islam supaya popular setanding dengan ilmu-ilmu asas yang lain.
- ii) Mengkaji semula kandungan manual dan silibus Pendidikan Islam yang diajar di sekolah-sekolah bertujuan membersihkannya dari pengaruh dan pemikiran *Orientalis* yang berkemungkinan secara tidak sengaja telah digunapakai.
- iii) Tajuk khusus berkenaan sumber-sumber penulisan Sejarah Islam perlu dimasukkan dalam silibus pengajian di peringkat sekolah menengah.
- iv) Penguatkuasaan yang tegas dan segera perlu dilakukan terhadap pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan fahaman *Orientalis* sama ada melalui penulisan, ceramah, video dan sebagainya.

- v) Memberikan galakan atau inisiatif terhadap individu yang berminat membuat pengkajian yang mendalam mengenai *Orientalis* dan gerakan mereka di Malaysia.

**b) Kepada Masyarakat**

- i. Meningkatkan pengetahuan mengenai *Orientalis* dan membanyakkan pembacaan terutamanya mengenai perancangan dan strategi yang diguna pakai oleh mereka.
- ii. Berhati-hati terhadap penerimaan sesuatu maklumat yang diragui kesahihannya.
- iii. Memberikan kerjasama dan sokongan kepada pihak pemerintah membanteras penyelewengan sekiranya mengetahui gerakan-gerakan yang mempunyai pertalian atau pemikiran *Orientalis*.
- iv. Memberi galakan dan didikan kepada generasi pelapis supaya lebih menyintai Islam dan membimbing mereka dengan didikan Islam yang sebenar.

- v. Bersedia menerima anjakan *paradigma* demi kemajuan Islam dan kejayaan dalam membentuk sebuah masyarakat *Rabbani*. Seterusnya, berupaya dan tahan setiap ancaman yang menyerang pemikiran dan 'Aqidah umat Islam.

**c) Kepada Pelajar**

- i) Meningkatkan lagi penguasaan dalam bahasa Arab dan Inggeris sehingga mampu menulis dan bercakap dalam kedua-dua bahasa ini dengan fasih dan lancar.
- ii) Mengadakan lebih banyak kajian dan penyelidikan tentang sumbangan Sejarah Islam dalam pembangunan negara dan mengemukakan idea-idea yang mantap dan bernas berasaskan Sejarah Islam.
- iii) Memahami sepenuhnya misi dan visi *Orientalis* dan giat mendedahkannya kepada umum dan masyarakat setempat sehingga segala strategi *Orientalis* ini dapat ditangkis dengan sempurna.

- iv) Meningkatkan kualiti diri dengan belajar bersungguh-sungguh terutamanya terhadap bidang yang menjadi major dalam pembelajaran.
- v) Bersikap matang dan tenang dalam menyelesaikan setiap permasalahan kekeliruan pemikiran *ummah* yang timbul serta berupaya menyelesaikannya dengan penuh bijaksana dan berhikmah.

#### **d) Kepada Pengajar**

- i) Berhati-hati pada setiap kali membuat rujukan dan penyelidikan yang menggunakan sumber-sumber sekunder. Seterusnya berusaha untuk mendapatkan rujukan-rujukan yang primari dan mempunyai *autoriti*.
- ii) Bersedia mendedahkan dan membetulkan sebarang bentuk penyelewengan '*Aqidah*' masyarakat dan bersedia menjadi sumber rujukan masyarakat setempat.

- iii) Meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa Arab dan Inggeris sehingga mampu menyampaikan syarahan dengan menggunakan kedua-dua bahasa tersebut secara fasih dan lancar.
  
- iv) Menulis dan menerbitkan banyak buku-buku berkaitan Sejarah Islam berdasarkan versi pemikiran rakyat Malaysia dan mengemukakan idea-idea bernas demi kemajuan masyarakat dan negara.
  
- v) Menyalurkan maklumat-maklumat terkini kepada pelajar-pelajar berkaitan strategi dan perancangan *Orientalis* berdasarkan isu-isu semasa yang timbul.

### 5.3. Penutup

Dalam membincangkan masalah pendidikan Islam dan pengaruh *Orientalis*, terlalu banyak perkara yang boleh diketengahkan. Ini kerana, pengaruh pemikiran *Orientalis* ini telah lama melingkungi pemikiran umat Islam di seluruh dunia. Kejatuhan *Empayar Othmaniyyah* menyaksikan satu bentuk penaklukan baru yang menjejaskan *survival* umat Islam iaitu melalui penjajahan minda. Jutaan idea dan cadangan telah dikemukakan demi kemajuan umat Islam tetapi masalah dan kerenah



kepimpinan negara-negara umat Islam sering membantutkan untuk mememaju dan menggemilangkan kembali keagungan Islam.

Sistem pendidikan Islam yang berteraskan Al Quran dan As Sunnah, jika dipraktikkan dengan baik dan sempurna akan memungkinkan kebangkitan kembali generasi pelapis yang mampu memartabatkan kembali keagungan Islam. Dewasa ini menyaksikan, keghairahan masyarakat Islam dan kesedaran yang menyeluruh tentang keupayaan pendidikan Islam dalam menjamin dan menangkis setiap cabaran dan dugaan yang menyerang spiritual dan mental anak-anak generasi pelapis. Justeru, tidak mustahil dalam abad terdekad ini Islam akan kembali menguasai dan dicintai di setiap pelusuk bumi.

Sejarah Islam terlalu banyak membantu dan memberi pedoman dalam menghadapi kehidupan akan datang. Justeru, tidak hairanlah terdapat banyak kisah umat-umat terdahulu yang dibentangkan Al Quran yang menuntut manusia mencari rahsia pengungkapan kisah-kisah ini. Tiada yang lebih baik bagi seseorang manusia itu melainkan mereka yang bijak menggunakan akal pemikiran selari dengan apa yang dituntut oleh Allah dan RasulNya.